

Inisiatif dan Cabaran Majlis Perbandaran Muar Menjadikan Bandar Maharani Bandar Diraja Sebagai Bandar yang Bersih: Kajian Kes di Bandar Muar, Johor

Muhamad Amiruddin Munawar¹ & Indera Syahrul Mat Radzuan^{1,2,*}

¹Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

² Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

* Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2022.03.02.048>

Received 30 September 2022; Accepted 1 November 2022; Available online 1 December 2022

Abstract: This study tries to review the initiatives and challenges faced by Muar Municipal Council (MPM) to make Muar town the cleanest in Asia. Muar town has been chosen because it has been receiving the ASEAN Cleanest Tourism City Award at the ASEAN Tourism Forum 2018. Interview method has been used to obtain primary data. The respondent of this study consists of several officers and council members of the MPM. The interviews were conducted to find out the initiatives and challenges in making Muar the cleanest city. This study has found that there are numerous initiatives undertaken by MPM to make Muar a clean city. Among the MPM's initiatives are the Rehabilitation Action Plan, MPM Strategic Plan 2021-2025, ASEAN Clean Tourism City Award, the role of SWM, and awareness programme. The challenges faced by MPM are the influx of foreigners, number of dilapidated buildings, people's mentality, and the problem of hygiene in Muar. Suggestions by the MPM from the interview have found that there is a need for additional information, set up a special awareness unit, upgrading small stadiums and widening the road.

Keywords: Initiative, Muar Municipal Council, Muar Town, Clean City Award

Abstrak: Kajian ini cuba meninjau inisiatif dan cabaran yang dihadapi oleh Majlis Perbandaran Muar (MPM) untuk menjadikan sebuah bandar terbersih di Asia. Bandar Muar telah dipilih kerana telah menjadi sebuah bandar yang mendapat Anugerah Bandar Pelancongan Terbersih ASEAN pada Forum Pelancongan ASEAN 2018. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data primer.

Responden kajian ini adalah terdiri daripada beberapa orang pegawai dan Ahli Majlis MPM. Temubual yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui inisiatif dan cabaran dalam menjadikan Bandar Muar Bandar Diraja sebagai bandar terbersih. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak inisiatif MPM menjadikan bandar Muar sebagai bandar bersih. Inisiatif tersebut antaranya Pelan Tindakan Pemulihan, Pelan Strategik MPM 2021-2025, program-program kebersihan, peranan SWM dan usaha kesedaran dalam kalangan penduduk. Cabaran-cabaran yang dihadapi pihak MPM ialah kebanjiran warga asing, bangunan lama yang tidak diselenggara, mentaliti penduduk dan masalah kebersihan. Cadangan penambahbaikan yang diutarakan oleh pihak MPM ketika temu bual ialah penambahan dari segi informasi, unit khas kesedaran, menaiktaraf stadium kecil dan melebar jalan.

Kata Kunci: Inisiatif, Majlis Perbandaran Muar, Bandar Muar, Anugerah Bandar Bersih

1. Pengenalan

Muar merupakan sebuah daerah yang berada di negeri Johor. Banyak sejarah dan peristiwa menarik yang terdapat di Muar yang boleh diperolehi. Perkataan ‘Muar’ dipercayai berasal daripada perkataan Muara. Hal ini kerana kewujudan Sungai Muar yang mengalir melalui bandar Muar dan merupakan sungai terpanjang di Johor. Bandar Muar juga dikenali sebagai bandar Maharani. Muar juga terbahagi kepada tiga buah parlimen iaitu Muar, Bakri dan Pagoh. Daerah Muar yang berkeluasan 2346.12 km persegi dengan penduduk seramai 328,695 orang (bancian 2000). Pusat pentadbiran baru yang telah dikenali sebagai Muar 2 sedang dirancang dan pembinaan baru sahaja beroperasi dengan pembinaan bangunan besar Majlis Perbandaran Muar. Muar bersempadan dengan Melaka di utara, Segamat di timur dan Batu Pahat di selatan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Di Muar, Majlis Perbandaran Muar (MPM) bertanggungjawab untuk menjaga kawasan daerah Muar daripada segala perkara yang boleh menjatuhkan dan merosakkan imej daerah Muar. Oleh itu, kita perlu melihat dan mengkaji bagaimana Majlis Perbandaran Muar dapat menjadikan bandar Muar sebagai bandar terbersih di Asia. Agensi ini berada di bawah pemerintahan negeri Johor. MPM ditugaskan untuk kesihatan awam dan sanitasi, pembuangan sampah, perancangan bandar, perlindungan alam sekitar dan kawalan bangunan, pembangunan sosial dan ekonomi dan fungsi penyelenggaraan umum infrastruktur bandar. Ibu pejabat utama Majlis Perbandaran Muar terletak di Jalan Maharani, Bandar Maharani, Muar.

1.2 Penyataan Masalah

Bandar Muar merupakan bandar yang boleh dikategorikan sebagai bandar lama dan bandar pencen. Pelbagai binaan dan bangunan lama yang mewarnai kawasan sekitar bandar Muar. Hal ini menyebabkan bandar Muar menjadi bandar yang padat dan sibuk kerana rakyat tertumpu kepada bandar Muar untuk mendapatkan segala khidmat dan kemudahan awam. Apabila bandar semakin padat akibat pertambahan penduduk, maka kebersihan juga akan terjejas jika tidak diambil kira. Perkara yang menjadi masalah ialah penduduk yang padat menyebabkan segelintir penduduk yang tidak mempunyai nilai murni dan akhlak yang tinggi membuang sampah dan mencemarkan Kawasan di sekitar Bandar Muar.

Kebersihan bandar juga perlu dijaga kerana bandar Muar merupakan bandar Diraja. Oleh itu, Majlis Perbandaran Muar sebagai pihak berkuasa tempatan amat prihatin dalam misi menjadikan bandar Muar sebagai bandar terbersih di Asia. Hal ini untuk mengekalkan Bandar Muar yang dulunya dikenali

sebagai bandar pencen dan bandar mati kepada bandar pelancongan yang berkembang maju sekaligus memberikan ekonomi dan taraf hidup yang baik kepada penduduk tempatan.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah terdiri daripada aspek-aspek berikut:

- (i) Apakah inisiatif dan cabaran yang perlu dihadapi oleh Majlis Perbandaran Muar dalam usaha menjadikan bandar Muar sebagai bandar terbersih di Asia?
- (ii) Apakah potensi untuk bandar Muar untuk kekal bersih di masa hadapan?

1.4 Objektif Kajian

Beberapa objektif telah digariskan untuk mencapai matlamat kajian ini iaitu:

- (i) Mengkaji inisiatif dan cabaran yang perlu dihadapi oleh Majlis Perbandaran Muar menjadikan bandar Maharani atau bandar Muar sebagai bandar terbersih di Asia.
- (ii) Mengemukakan cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh Majlis Perbandaran Muar dalam usaha mengekalkan bandar Muar sebagai bandar terbersih di Asia.

1.5 Skop Kajian

Penyelidikan ini dijalankan di sekitar bandar Muar untuk melihat kawasan persekitaran yang telah ditadbir oleh Majlis Perbandaran Muar. Muar merupakan sebuah daerah yang berada di dalam negeri Johor yang mempunyai sungai terpanjang di Johor. Bandar Muar sebagai lokasi kajian kerana bandar Muar merupakan bandar yang telah diiktiraf sebagai bandar terbersih di Asia dan merupakan Bandar Diraja. Oleh itu kita ingin mengkaji tentang kehebatan pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Muar dalam bertanggungjawab tentang pencapaian yang telah diperolehi.

2. Kajian Literatur

Kajian literatur membincangkan berkaitan inisiatif dan cabaran Majlis Perbandaran Muar menjadikan Bandar Muar bandar yang bersih berpandukan bahan-bahan rujukan dan sumber yang diperoleh melalui jurnal, buku, surat khabar, internet dan sumber-sumber bahan yang boleh dijadikan rujukan untuk penyelidikan ini. Antara perbincangan yang terdapat dalam kajian literatur ini ialah pengenalan bandar bersih, ciri-ciri bandar bersih di Malaysia, Peranan Majlis Perbandaran Muar, pengiktirafan Bandar Muar sebagai bandar terbersih ASEAN, inisiatif MPM menjadikan Muar sebagai bandar terbersih, isu yang mengganggu kebersihan Bandar Muar. Menurut jurnal yang telah ditulis oleh Mohd Muhiden Abd Rahman (1997), kebersihan yang di maksudkan ialah kebersihan yang luas mencakupi kebersihan individu, masyarakat dan juga kebersihan alam sekitar. Namun demikian persoalan kebersihan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dari semua pihak terutamanya kebersihan alam sekitar. Amalan kebersihan merupakan satu amalan yang penting yang sepatutnya menjadi agenda utama dalam proses pembangunan sesbuah negara dan masyarakat.

2.1 Ciri-ciri Bandar Bersih di Malaysia

Bandar yang bersih merupakan antara prinsip yang terdapat di dalam Dasar Pembandaran Negara Kedua. Hal ini amat dititikberatkan oleh negara kerana bandar yang bersih mempengaruhi rakyat dan persekitaran. Antara ciri-ciri yang terdapat di Malaysia ialah dengan menggunakan penggunaan teknologi hijau dalam pengurusan sumber. Setiap sumber yang perlu diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan perlulah menggunakan teknologi hijau seperti menggunakan tenaga solar menggantikan minyak atau gas. Ciri kedua yang terdapat dalam prinsip Dasar Pembandaran Negara Kedua (2016) ialah pengurusan alam sekitar dan sisa pepejal yang mampan. Kerajaan Malaysia telah menetapkan

kerangka undang-undang dan institusi bagi perlindungan alam sekitar. Ciri yang terakhir ialah penyediaan persekitaran kejiraninan yang selamat, bersih dan selesa dengan gaya hidup rendah karbon.

2.2 Peranan Majlis Perbandaran Muar (MPM)

Di Muar, Pihak Berkuasa Tempatan yang mengendalikan dan mengawal daerah tersebut dinamakan sebagai Majlis Perbandaran Muar. Majlis Perbandaran Muar telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 14 April 2001. Sebelum ini, Majlis Perbandaran Muar dikenali sebagai Majlis Daerah Muar Selatan (di Bawah Akta Kerajaan Tempatan, peruntukan sementara 1973). Daerah Muar merangkumi 17 buah mukim sehingga kini didiami dan diduduki lebih kurang 230,000 orang penduduk yang mempunyai pelbagai etnik, bangsa, dan agama. Majlis Perbandaran Muar mempunyai tugas yang telah diberikan kepada mereka untuk dilaksanakan. Antara fungsi MPM di daerah Muar mengikut laman web rasmi MPM ialah merancang dan mengawal pembangunan kawasan selaras dengan undang-undang yang telah dikuatkuasakan. Selepas itu, fungsi MPM ialah menguatkuasa dan mengawal segala aktiviti di kawasan pentadbiran sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Fungsi Majlis Perbandaran Muar juga ialah dengan mengeluarkan dan mengawal lesen-lesen perniagaan papan tanda iklan perniagaan dan penjaja dibawah pengawasan MPM. Seterusnya, MPM juga menyediakan kemudahan perniagaan seperti kedai, bazar, gerai, pasar awam dan lain. Mereka akan menjaga dan mengawasi kawasan-kawasan pasar raya seperti Pasar Awam Parit Jawa dan mengendalikan Bazar Ramadhan di Parit Amat. Majlis Perbandaran Muar juga menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam, rekreasi, landskap dan pengindahan bandar. Antara unit yang mengendalikan tugas ini adalah unit landskap yang sentiasa memperbaharui dan menjaga persekitaran dengan ladskap terbaik yang mereka miliki.

Selain itu, MPM juga menyediakan dan menyelenggara kemudahan infrastruktur seperti jalan, perparitan, longkang dan lampu jalan. Oleh itu, MPM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan tugas ini sebaik mungkin. Majlis Perbandaran Muar juga perlu mewujudkan persekitaran dalam keadaan yang terkawal dan teratur sebagai badan kawalan pembangunan yang mematuhi undang-undang, akta-akta, garis panduan dan dasar-dasar am majlis.

2.3 Pengiktirafan Bandar Muar sebagai Bandar Terbersih di ASEAN

Muar merupakan Bandar Maharani Bandar Diraja yang telah menjadi ikon sebagai bandar terbersih di Asia. Bandar Muar terletak di tepi sungai Muar yang merupakan sungai terpanjang di Johor. Bandar Muar telah diberikan anugerah iaitu Anugerah Bandar Pelancongan Terbersih ASEAN pada Forum Pelancongan ASEAN 2018 di Chiang Mai. Bandar Muar telah dipilih sebagai penerima anugerah berprestij itu selepas memenuhi kriteria asas Asean Clean Tourist City Standard 2017. Tujuan ASEAN Clean Tourist City Standard (ACTCS) ialah untuk menyediakan setiap negara-negara ASEAN dengan satu alat iaitu untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti pelancongan di bandar mereka, dengan meningkatkan daya saing pemasaran mereka.

Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2011-2015 (ATSP) telah menunjukkan peningkatan kemampuan yang telah ditunjukkan oleh pelancongan ASEAN untuk menangai masalah perubahan iklim. Ini merupakan tindakan yang utama untuk mencapai strategi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan di rantau ini. Bandar Muar telah menjadi bandar terbersih kerana ia telah menurut spesifikasi ACTCS. Bandar merupakan tempat perjumpaan awam dimana pelbagai hubungan dan interaksi berlaku di sini. ACTCS telah mempertimbangkan kawasan kebersihan di tempat-tempat orang berkumpul seperti bangunan awam, pusat maklumat, kawasan hijau, pusat komersial, psat peranginan dan tandas awam. Ini akan menfokuskan kepada pandangan umum bagaimana pihak berkuasa perbandaran melakukan kebersihan dan menyelesaikan masalah jika berlaku kejadian yang tidak diingini. Antara kriteria yang telah ditetapkan oleh ACTCS ialah:

(a) Kebersihan di Tempat Awam

Kebersihan di tempat awam merupakan indikator penting untung menzahirkan penyampaian yang positif kepada pelancong sama ada dari penduduk setempat mahupun dari sektor swasta. Kebersihan yang diwujudkan oleh seluruh tempat awam dan bangunan, kawasan hijau, pasar raya, dan pusat maklumat harus dijaga dan diselenggara oleh pihak berkuasa tempatan dan sekatan akan diberikan kepada sesiapapun yang mengingkari peraturan. Antara peralatan atau perkara yang perlu diambil kira ialah jumlah tong sampah yang perlu diletakkan di setiap kawasan tertumpu.

(b) Kebersihan di Tandas Awam

Indikator ini merujuk kepada jumlah tandas awam yang terdapat di sekitar tapak pelancongan yang terdapat di bandar tersebut. Kualiti daripada pihak majlis tempatan untuk mengawal dan menyelenggarakan tandas awam juga menjadi faktor dalam kejadian bandar terbersih.

(c) Kebersihan di Tapak Pelancongan

Kebersihan di tapak pelancongan merupakan kriteria yang penting di tempat-tempat utama seperti muzium, kuil, taman, pantai dan lain-lain. Hal ini merujuk kepada tong sampah yang mencukupi di kawasan pelancongan, kekerapan sampah yang diambil di tong sampah dan kebersihan umum yang dilakukan di kawasan tersebut. Setiap perkara yang melanggar undang-undang akan disaman.

(d) Kebersihan di Sepanjang Jalan Utama

ACTCS menilai setiap keadaan di sepanjang jalan utama di dalam bandar dan dari satu bandar ke bandar yang lain. Hal ini untuk melihat sama ada ia dibersihkan secara berkala atau peralatan yang tersedia seperti tong sampah di setiap jalan utama.

2.4 Inisiatif Majlis Perbandaran Muar Menjadikan Muar sebagai Bandar yang Bersih

Bandar Muar telah menjadi satu nama atau ikon sebagai bandar terbersih bukan kerana Majlis Perbandaran Muar semata-mata. MPM telah dibantu oleh pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan, swasta dan badan-badan persatuan yang lain.

(a) Southern Waste Management

SWM Environment Sdn Bhd merupakan penyedia perkhidmatan pengurusan sampah dan pembersihan awam bersepadu di Wilayah Selatan Semenanjung Malaysia yang ditubuhkan selaras dengan Penswastaan Nasional Pengurusan Sisa Pepejal. Sejak tahun 1995, SWM telah mengambil alih pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dari semua Pihak Berkuasa Tempatan yang merupakan bidang tugas SWM. Program SWM telah diberi nama KITARecycle. KITARecycle merupakan program yang mendorong orang ramai untuk mengitar semula dengan memberikan hadiah dalam bentuk Koin Kitar Semula. Terdapat lebih 30 jenis barang yang dapat dikitar semula termasuk kertas, tin, aluminium, plastik dan e-waste. Koin tersebut yang telah dikumpulkan dapat ditukarkan atau boleh mengeluarkan menjadi duit dan masuk ke dalam bank ataupun aplikasi ‘Boost’ untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem e-pembayaran menurut SWM (2020).

(b) Program Jalan Angkat Muar

Program Jalan Angkat merupakan satu inisiatif yang telah diberikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar, Encik Jamil Hasni bin Abdullah dalam usaha untuk memperkasakan amalan kebersihan di kalangan masyarakat dan agensi di dalam daerah Muar. Program ini akan berterusan setiap minggu sebagai aktiviti mingguan oleh Majlis Perbandaran Muar dan mereka berharap dapat penglibatan bersama masyarakat setempat dalam usaha menjaga kebersihan imej Bandar Diraja. Badan

kerajaan merupakan pihak-pihak atau organisasi yang duduk di bawah pemerintahan dan pengawalan kerajaan. Contohnya seperti Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Tanah. Badan-badan kerajaan ini juga banyak membantu Majlis Perbandaran Muar dalam melaksanakan dan mengendalikan Bandar Muar sebagai bandar terbersih di Asia.

(c) *Program Bandar Warisan, Bersih, Sejahtera Bersempena World Cleanup Day*

Program tersebut telah dilaksanakan sempena World Cleanup Day pada setiap tahun. Perkara tersebut dilakukan dengan memastikan kebersihan lorong-lorong belakang terjamin dengan Kerjasama pelbagai pihak. Program tersebut telah dilawat oleh YB Yeo Bee Yin, bekas Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar merangkap Ahli Parlimen Bakri. Banyak pihak telah mengambil bahagian dalam program ini sama ada badan kerajaan dan juga bukan kerajaan menurut MPM (2018).

2.5 Isu-isu yang Mengganggu Kebersihan di Bandar Muar

(a) *Sikap Segelintir Penduduk yang Tidak Bertanggungjawab*

Setiap daerah mempunyai isu tetang kebersihan yang telah dialami. Walaupun Muar telah diiktiraf sebagai bandar bersih, namun masih terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah atau membuat kekotoran sesuka hati mereka. Menurut SWM Muar (2017), terdapat pembuangan sampah secara haram di Taman Sakeh Baru, Muar. Penghuni Taman Sakeh Baru memaklumkan bahawa terdapat pihak yang telah mengambil jalan mudah dengan membuang sampah di kawasan lapang berkenaan. Aduan telah berulang kali dilakukan oleh penduduk kepada pihak berkuasa tempatan namun masalah ini tetap berulang. Pihak PBT perlu mengambil peduli akan masalah berkenaan memandangkan daerah Muar telah diisyiharkan sebagai bandar terbersih dan tidak sepatutnya berlaku perkara sedemikian. Beliau juga telah meminta pihak PBT untuk mengambil langkah sewajarnya untuk menghalang pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di kawasan tersebut.

(b) *Gangguan Haiwan Liar*

Antara isu yang mengganggu kebersihan di Bandar Muar juga ialah jumlah monyet yang banyak terdapat di Muar. Berdasarkan kes di Berita Projek MM (2017), Penduduk Taman Bakri Maju bimbang dengan gangguan ratusan monyet yang menyebabkan masalah kekotoran di Kawasan perumahan. Menerusi laman web tersebut, ia mengatakan bahawa lebih 300 penghuni yang terjejas. Haiwan itu sering membuat kacau dengan menyelongkar sampah dan membuang sisa termasuk merosakkan tanaman mereka. Keadaan ini menyebabkan kawasan perumahan berbau busuk kerana air sampah yang mengalir. Hampir semua tong sampah dikorek. Penduduk taman tersebut telah membuat aduan ke Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan elemen yang paling penting untuk mendapatkan satu kaedah dan teknik yang betul untuk mengumpul dan menganalisis data untuk mendapatkan fakta atau kebenaran yang tepat untuk sesebuah matlamat dan objektif kajian tersebut Menurut Ahmad Mazhab Ayob (1985), kaedah kajian ialah tentang bagaimana suatu objektif atau penyelidikan itu hendak dicapai. Hal ini kerana metodologi kajian merupakan pengumpulan maklumat serta data yang baharu berkaitan tinjauan yang telah dilakukan. Kaedah metodologi kajian menjadi elemen yang paling penting untuk membuktikan kebenaran dan kesahihan sesuatu data atau kajian yang telah dikaji dalam penyelidikan.

Secara umum kaedah utama penyelidikan untuk mendapatkan data terbahagi kepada dua iaitu dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif.

3.1 Carta Alir Metodologi Kajian

Carta alir metodologi kajian merupakan satu rangka atau rajah yang bertujuan menerangkan proses-proses perancangan kajian yang telah diatur oleh pengkaji. Hal ini dilakukan supaya isi kandungan kajian lebih tersusun dan rapi untuk memudahkan pembaca. Carta alir metodologi kajian terbahagi kepada lima peringkat. Pembahagian peringkat tersebut untuk memastikan bahawa kajian yang dijalankan tidak bercampur aduk dan perlu mengikut bab sendiri. Peringkat pertama ialah dengan mengenalpasti bidang penyelidikan dan pemilihan tajuk serta penentuan pernyataan masalah, objektif kajian dan skop kajian. Peringkat kedua pula merupakan kajian literatur yang dilakukan dalam penyelidikan. Peringkat ketiga pula ialah pengumpulan data dan maklumat yang terbahagi kepada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Peringkat keempat pula ialah penganalisisan data, penyusunan data dan penyemakan data. Peringkat yang terakhir merupakan kesimpulan dan cadangan. Hal ini boleh menjadikan penulisan laporan menjadi kajian yang terbaik.

3.2 Kaedah Kajian

(a) *Sumber Primer*

Sumber primer merupakan maklumat asas yang diperoleh sendiri oleh pengkaji dengan melalui temu bual, pemerhatian, analisa dokumen dan soal selidik. Sumber primer merupakan data asli yang dikumpulkan mengikut prosedur yang sesuai bagi menjawab permasalahan kajian oleh penyelidik itu sendiri (Chua, 2006). Pengumpulan data primer diperolehi daripada hasil temubual dan pemerhatian dari pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Muar yang terlibat dalam proses kebersihan Bandar Muar.

(b) *Sumber sekunder*

Data sekunder merupakan maklumat yang diperolehi melalui bahan bacaan menurut sumber-sumber yang terdapat di internet dan jurnal-jurnal. Hal ini kerana sumber-sumber di internet dan jurnal-jurnal mempunyai banyak kesahihan dan fakta yang boleh diperolehi untuk kegunaan pengkaji. Data sekunder amat penting untuk pengkaji mengukuhkan hujah terhadap topik kajian mereka. Antara contoh-contoh data sekunder yang tersedia ialah jurnal, buku, laporan tahunan, laporan kerajaan, majalah dan surat khabar. Dalam kajian ini, data sekunder yang diperolehi banyak didapati di laman web portal rasmi Majlis Perbandaran Muar.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang menentukan dan mengumpul data dan fakta dalam kajian ini ialah kaedah pemerhatian dan temu bual. Kaedah ini amat penting untuk dilaksanakan kerana persekitaran dan prasarana Bandar Muar yang berbeza-beza mengikut musim dan semasa.

(a) *Kaedah Pemerhatian*

Kaedah pemerhatian merupakan kaedah terawal yang boleh diperolehi oleh pekaji dalam penyelidikan. Kaedah pemerhatian ialah kaedah yang menggunakan prasarana dan keadaan sekitar kawasan kajian untuk mengumpul dan menghasilkan data. Hal ini untuk menjelaskan dan memudahkan pengkaji untuk memahami dan mengumpul data dengan lebih jelas. Pengkaji juga boleh menggunakan alat bantuan teknologi moden seperti kamera, radio dan sebagainya untuk membantu dalam proses penyelidikan yang amat mencabar kerana perlu berada di tapak lokasi.

(b) Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual melibatkan perbualan antara pengkaji dengan responden kepada subjek kajian. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan yang kukuh serta sahih. Kaedah temu bual ialah perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Kaedah tersebut boleh digunakan secara bersemuka atau secara atas talian. Pengkaji telah menemu bual beberapa orang pegawai daripada Majlis Perbandaran Muar bagi tujuan penyelidikan.

(c) Kaedah Analisis Dokumen

Kaedah Analisis Dokumen merupakan dokumen yang merupakan sesuatu maklumat atau bahan yang bertulis. Ia dibukukan dan menyimpan pelbagai maklumat yang boleh menjadi manfaat dan berguna kepada semua. Kajian yang dijalankan akan menggunakan buku bercetak dan dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Antara dokumen yang terlibat di dalam kajian ini ialah dari pihak Majlis Perbandaran Muar dan dokumen kerajaan yang telah diajdikan rujukan.

3.5 Analisis Data dan Dapatan Kajian

Analisis kajian merupakan satu kaedah untuk mengawal dan mempersembahkan data serta prosedur statistik. Tujuan analisis data dapat mempersembahkan data kepada bentuk yang lebih bermakna. Data-data yang dikumpulkan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian dibuat di sekitar bandar Muar. Hal ini untuk mengkaji tentang inisiatif dan cabaran Majlis Perbandaran Muar dalam menjadikan Bandar Muar sebagai bandar terbersih di Asia.

(a) Temubual Semi-Struktur

Pengkaji telah memilih temubual semi-struktur untuk menjalankan proses penyelidikan pada kajian kali ini. Hal ini digunakan untuk mengenalpasti inisiatif dan cabaran yang telah dilalui oleh Majlis Perbandaran Muar untuk mengekalkan dan menjadikan bandar Muar sebagai bandar terbersih di Asia. Melalui format temu bual semi-struktur yang telah digunakan, pengkaji dapat menebul dengan pegawai yang bertugas menjaga kebersihan di bandar Muar dengan lebih terperinci dan mendalam. Hal ini kerana pengkaji mempunyai kebebasan untuk menyuarakan soalan kepada responden.

(b) Kaedah Analisis Tematik

Kaedah analisis tematik ini digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi daripada kaedah temu bual dengan pihak yang bertanggungjawab menjaga kebersihan di kawasan bandar Muar. Kaedah analisis tematik ini melibatkan data yang diperolehi melalui temu bual yang dijalankan. Analisis tematik ini merupakan analisa data yang dilakukan dengan lebih mendalam tentang objektif kajian yang telah dilakukan agar mendapat sumber yang lebih tepat dan terperinci.

4. Analisis Kajian

Bahagian ini akan membincangkan tentang hasil kajian yang telah dianalisis dan dijalankan untuk mencapai objektif kajian. Objektif kajian akan dapat dicapai jika hasil kajian telah dijalankan. Data yang dikumpul telah diperolehi melalui temu bual semi struktur dan kaedah analisis tematik yang dilakukan ketika menjalankan proses penghasilan data. Kajian temu bual semi struktur ini dijalankan dengan menemu bual pihak berkepentingan mengenai inisiatif dan cabaran Majlis Perbandaran Muar menjadikan Bandar Maharani Bandar Diraja sebagai bandar yang bersih.

4.1 Pengumpulan Data

Dalam kajian pengumpulan data yang telah dilakukan, penyelidik telah menemui bual secara bersemuka pegawai Perancangan Bandar di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Majlis Perbandaran Muar dan Pembantu Tadbir, Ketua Unit Persiapan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Setiap temu bual diberikan penekanan dan diberikan penjelasan dengan teliti untuk mendapatkan hasil kajian dengan lebih terperinci tentang Bandar Muar Bandar Diraja sebagai bandar terbersih ASEAN.

4.2 Inisiatif yang Dilaksanakan oleh MPM

(a) *Pelan Tindakan Pembangunan*

Majlis Perbandaran Muar (MPM) telah menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan untuk memantau dan mengawas setiap pembangunan di bandar Muar. Antara yang berjaya dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Muar ialah perniagaan terancang. Pelan Tindakan Pembangunan merupakan perniagaan yang disusun secara berkelompok dan tersusun. Hal ini amat penting kerana pihak berkuasa tempatan dapat mengawal segala tindakan yang dilakukan oleh peniaga kerana ini merupakan faktor-faktor penting dalam menghasilkan sebuah bandar yang bersih. Kawasan industri terancang juga amat penting kerana kawasan industri menghasilkan pelbagai pencemaran seperti pencemaran udara dan air. Oleh itu kawasan industri tidak dilaksanakan di kawasan bandar. Kawasan perumahan terancang juga antara faktor penting dalam menjadikan bandar Muar sebagai bandar yang bersih. Perkara ini telah diteliti oleh Majlis Perbandaran Muar bahawa perumahan merupakan elemen yang boleh menyebabkan sesebuah bandar bersih.

(b) *Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar 2021-2025*

Di dalam Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar 2021 sehingga 2025, terdapat Jadual Pelan Tindakan iaitu strategi-strategi yang digunakan untuk melaksanakan tugas dan kerja serta menghadapi segala cabaran yang akan berlaku di masa hadapan. Antara strategi objektif yang terdapat dalam Jadual Pelan Tindakan ialah memperkasakan perkhidmatan perbandaran secara adil dan saksama. Strategi objektif bagi Jadual Pelan Tindakan seterusnya ialah dengan melaksanakan pembangunan secara terancang. Pembangunan secara terancang amat penting kerana sesebuah bandar perlu ditadbir dan dibangunkan secara sistematik dan teratur. Hal ini kerana jika sesebuah bandar dirancang secara tidak terancang, ini akan memusnahkan dan merosakkan seluruh sistem pentadbiran.

(c) *Bandar Muar sebagai Bandar Pelancongan Bersih ASEAN*

Menurut Ketua Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Majlis Perbandaran Muar, antara bukti yang menunjukkan bahawa bandar Muar sebagai bandar bersih ASEAN ialah dengan pengiktirafan bandar Muar sebagai Anugerah Bandar Pelancongan Bersih ASEAN. Bandar Muar telah mendapat pengiktirafan pada tahun 2018 di Chiang Mai, Thailand. Pada waktu itu yang mengambil anugerah tersebut ialah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar Mustapha Kamal Shamsudin dan bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar, Jamaluddin A Hamid. Anugerah Bandar Pelancongan Bersih ASEAN amat bermakna untuk bandar Muar kerana bandar Muar telah menjadi sebuah Bandar Maharani Bandar Diraja. Apabila gelaran tersebut telah diberikan, maka segala kerja dan tindak balas Majlis Perbandaran Muar akan menjadi semakin berat.

Oleh itu, MPM telah merangka struktur pelan pembangunan bandar Muar dengan baik. Bandar Muar juga telah dipilih sebagai lima bandar terbersih di Malaysia pada tahun 2016 di samping memenangi Anugerah Tandas Terbersih bagi Kategori Bandar Pelancongan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Katanya lagi anugerah yang telah diberikan hasil daripada kesemua pihak berkepentingan amat dihargai kerana bukan mudah untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Majlis Perbandaran Muar juga telah mendapat pengiktirafan Program Keindahan Bandar. Bandar Muar telah menghasilkan lukisan mural yang cantik dan menarik di kawasan lorong

belakang bangunan-bangunan. Hal ini menyebabkan bandar Muar telah diberikan pengiktirafan berikut.

(d) Matlamat Majlis Perbandaran Muar Mencapai Kebersihan Bandar

Menurut Ketua Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Majlis Perbandaran Muar, dahulu Bandar Muar dikenali sebagai Bandar Maharani. Pada tahun 2012, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan untuk menaik taraf Bandar Muar dari Bandar Maharani ke Bandar Diraja. Bermula titik tolak pihak berkuasa tempatan untuk menjaga Kawasan bandar Muar kerana Tuanku amat mementingkan aspek kebersihan. Majlis Perbandaran Muar juga telah menubuhkan satu unit khas kebersihan untuk memantau segala kerja-kerja kebersihan yang mendesak seperti terdapat ranting pokok atau kayu secara mengejut dan akan dialihkan dengan segera. Unit khas kebersihan ini hanya terdapat di daerah Muar sahaja dan tidak terdapat di pihak berkuasa tempatan daerah lain. Perkara ini kerana bandar Muar merupakan sebuah bandar yang mendapat Anugerah Bandar Pelancongan Bersih ASEAN. Oleh itu, Majlis Perbandaran Muar member penekanan terhadap kebersihan dan pemantauan bandar Muar. Yang DiPertua Majlis Perbandaran Muar juga amat rajin memantau segala aspek dari segi kebersihan dan penjagaan bandar Muar. Beliau setiap hari akan bersiar-siar dan berjalan untuk melihat keadaan sekitar bandar Muar.

(e) Kos

Kos untuk pembangunan dan pembersihan bandar juga amat penting dalam melaksanakan Muar sebagai bandar bersih. Menurut Ketua Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap, tiada kos yang dikeluarkan dari Majlis Perbandaran Muar. Semua yang terlibat dalam aktiviti pembersihan dan penjagaan bandar Muar bermula dengan sikap dan semangat yang tinggi. Semua unit dalam pihak berkuasa tempatan bersama-sama berganding bahu untuk melaksanakan bandar bersih ini. Tiada peruntukan khas yang dikeluarkan untuk kerja-kerja pembersihan. Rumah-rumah di sekitar kawasan Muar juga memainkan peranan yang penting kerana persekitaran kawasan penduduk yang bersih mempengaruhi kebersihan bandar Muar. Kerja-kerja kutipan sampah di rumah bukan lagi menjadi tanggungjawab Majlis Perbandaran Muar, tetapi berada di bawah tanggungjawab SWM Corporation. Pihak berkuasa tempatan dan SWM Corporation berlalu memastikan kebersihan bandar Muar perlu menjadi peringkat paling tinggi kerana merupakan Bandar Maharani Bandar Diraja. Servis yang dilakukan oleh SWM kepada bandar Muar lebih terperinci berbanding di daerah lain.

(f) Program-program Khas

Majlis Perbandaran Muar telah melaksanakan pelbagai program untuk menjadikan bandar Muar sebagai bandar bersih. Antara program yang dilakukan adalah program *Mudball*, *Grease Trap*, Program Jalan Angkat, Program Plogging dan Program Pembersihan Lorong Belakang. Kawasan Bandar Muar yang disaluri dengan Sungai Muar menjadikan bandar Muar sebagai bandar yang menarik untuk dijadikan kawasan pelancongan. Hal ini juga boleh menjadi masalah jika Kawasan sungai mudah dicemari kerana boleh merosakkan pemandangan. Oleh itu, Majlis Perbandaran Muar telah melaksanakan Program Mudball. Selain itu, Program Grease Trap juga merupakan program yang amat penting untuk bandar Muar kerana Muar mempunyai sistem perparitan yang amat baik dan luas. Selepas itu, Majlis Perbandaran Muar telah melaksanakan Program Jalan Angkat untuk menjaga kebersihan di sepanjang jalan daerah Muar. Program ini akan berjalan setiap minggu sebagai aktiviti mingguan oleh MPM kerana ini adalah inisiatif untuk menjadikan bandar Muar sebagai bandar bersih.

Program Plogging juga telah dijalankan oleh pihak Majlis Perbandaran Muar untuk membersihkan kawasan persekitaran Kawasan Rekreasi Tanjung Ketapang Muar. Mereka akan berjogging sambil mengutip sampah di sekitar kawasan tersebut. Hal ini kerana Pusat Rekreasi Tanjung Ketapang merupakan pusat pelancongan yang berada di kawasan Muar. Program Pembersihan Lorong Belakang juga menjadi faktor kepada kebersihan bandar Muar kerana jika lorong belakang di bangunan-bangunan bandar Muar kotor, ini akan menjelaskan persekitaran bandar Muar. Oleh itu, pihak Majlis Perbandaran Muar menyediakan inisiatif menaik taraf dan mencantikkan bandar Muar.

(g) *Peranan SWM Corporation*

SWM juga memainkan peranan penting dalam menjaga kebersihan di bandar Muar. Kebersihan di bandar Muar seperti di kawasan-kawasan berpenduduk, di bandar dan di desa telah menjadi tanggungjawab SWM Corporation. Namun demikian, untuk menjadikan bandar Muar sebagai Anugerah Bandar Terbersih Asean bukan dari SWM semata-mata, ia memerlukan banyak penaiktarafan dan kerja-kerja pembersihan. Antara infrastruktur yang dinaiktaraf ialah tandas-tandas awam di sekitar bandar Muar. Kesemua tandas-tandas awam yang lama telah diperbaiki dan dinaiktaraf menjadi lebih lawa dan selesa. Hal ini akan memberikan keselesaan kepada pelancong untuk melakukan aktiviti.

(h) *Peranan Penduduk Muar*

Penduduk Muar menjadi faktor terpenting untuk mencapai standard kebersihan di bandar Muar. Hal ini kerana penduduk Muar lebih ramai bilangan berbanding pekerja SWM Corporation dan ahli-ahli pihak berkuasa tempatan. Oleh itu, penduduk Muar amat penting untuk menjadikan bandar Muar sebagai bandar bersih. Pihak berkuasa tempatan tidak terdaya untuk menampung segala aspek kebersihan tanpa penduduk Muar yang menjadi tulang belakang kepada Majlis Perbandaran Muar. Walaupun aktiviti pembersihan bandar Muar tidak sepenuhnya dilakukan oleh Majlis Perbandaran Muar, tetapi mereka tetap memerlukan penduduk Muar untuk membantu dari segi fizikal dan juga mental. Penduduk Muar banyak membantu dalam proses kebersihan bandar Muar.

(i) *Kempen Kesedaran*

Mengikut Ketua Jabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap, Majlis Perbandaran Muar, antara usaha yang telah dilakukan oleh MPM ialah melaksanakan Program Gerak Mesra di kawasan tamantaman perumahan. Hal ini untuk menarik perhatian dan memberikan nasihat tentang penjagaan kebersihan. Selain itu, Majlis Perbandaran Muar juga melaksanakan Program Penyelenggaraan Pokok di kawasan sekitar penduduk perumahan yang mengganggu jalan raya. Pihak MPM juga telah terbabit dalam penglibatan membaik pulih infrastruktur-infrastruktur bangunan yang telah usang dan reput. Mereka akan berbincang dengan tuan tanah atau tuan bangunan untuk sama-sama menaik taraf dan mencantikkan kawasan bangunan tersebut kerana bandar Muar telah diiktiraf Anugerah Bandar Pelancongan Terbersih ASEAN 2018 di Chiang Mai, Thailand. Antara perkara yang dilakukan ialah mengecat dan menggantikan bahagian bangunan yang telah rosak supaya kelihatan cantik.

4.3 Cabaran yang Dihadapi MPM

(a) *Kebanjiran Warga Asing*

Lambakan warga asing di sekitar bandar Muar sudah tidak boleh ditapis lagi. Hal ini boleh dilihat sekitar hujung minggu pada hari Ahad, lambakan warga asing yang terdiri daripada pelbagai negara seperti Bangladesh, Myanmar, Nepal, Vietnam dan lain-lain. Mereka telah membuatkan Kawasan bandar Muar sebagai negaranya dan sewenang-wenangnya membuang sampah merata-rata dan membuat kacau di kawasan bandar Muar. Mentaliti mereka tidak seperti rakyat Malaysia yang lebih berpendidikan dalam menjaga kebersihan.

Majlis Perbandaran Muar mengambil inisiatif untuk mengenakan syarat keatas majikan tidak boleh melepaskan pekerja asing sewenang wenangnya di bandar bermula pada tahun 2018. MPM menetapkan bahawa mereka boleh dikeluarkan secara berkala. Mereka juga telah ditempatkan ke zon-zon pekan yang mempunyai fasiliti-fasiliti dan keperluan barang-barang yang diingini. Setiap majikan yang ingkar akan dikenakan kompaun yang besar untuk memastikan majikan-majikan tersebut patuh kepada syarat tersebut. Hal ini berjaya dilakukan seperti yang dapat dilihat melalui tindakan pemerhatian, kawasan bandar Muar pada hujung minggu tidak lagi didiami oleh lambakan warga asing. Kesejahteraan dan kebersihan bandar juga semakin terpelihara. Perkara ini perlu dilakukan setelah terlampaui banyak kes yang berlaku di kawasan bandar Muar yang sepatutnya tidak berlaku contohnya seperti botol-botol arak bersepah. Pembuangan sampah secara berturutan yang menyebabkan suasana pemandangan tidak

nyaman.

(b) *Kawasan Bangunan yang Padat*

Menurut Ketua Jabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap, Majlis Perbandaran Muar, bangunan yang padat tidak menyebabkan kebersihan bandar merosot. Hal ini kerana elemen yang paling penting adalah pihak berkuasa tempatan dan penduduk sesebuah kawasan yang menjadi tunjang utama dalam aspek kebersihan. Seperti contoh, kawasan bandar Muar yang padat dengan bangunan-bangunan dan sempit tidak menjadi penghalang utama kepada kejayaan Muar mendapat pengiktirafan Anugerah Bandar Pelancongan Bersih ASEAN. Pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran Muar memainkan peranan penting bukan sahaja bertanggungjawab menjaga bandar Muar tetapi membersih dan mencantikkan bandar Muar demi kesejahteraan dan kemakmuran penduduk Muar.

(c) *Bangunan-bangunan Lama yang Tidak Diselenggara*

Bandar Muar merupakan bandar yang telah lama bertapak di Malaysia. Oleh itu, kebanyakan struktur bangunan yang dibina dan didirikan telah pun usang dan rapuh. Hal ini kerana jika bangunan-bangunan sudah usang dan tidak didiami, maka akan terjadi lambakan penagih dadah. Terdapat juga lambakan sampah sarap dan haiwan-haiwan perosak kerana kawasan yang kotor. Pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Muar mengambil inisiatif untuk mengambil alih dan menjaga bangunan-bangunan yang telah usang. Mereka akan berjumpa dengan tuan tanah dan berbincang untuk mencantikkan kedai dan memperbaiki segala struktur yang telah rosak. Mereka akan mengecat kembali bangunan-bangunan tersebut dengan kos yang dikeluarkan sendiri. MPM juga akan memelihara segala bangunan-bangunan lama dengan menyelenggara setiap bangunan yang telah lama ditinggalkan.

(d) *Sokongan Warga Muar*

Majlis Perbandaran Muar tidak mampu untuk menjaga dan menampung kebersihan Muar kerana keluasan yang sangat besar. Hal ini amat sukar dilakukan tanpa kerjasama dari pihak warga Muar. Hal ini kerana mereka merupakan agen yang paling dekat dan sentiasa berada di kawasan Muar. Tugas Majlis Perbandaran Muar adalah penting untuk menyedarkan penduduk Muar tentang kepentingan kebersihan dan pemeliharaan kawasan sekitar. Antara usaha yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Muar ialah Program Gerak Mesra. Program ini bertujuan untuk memberi pelajaran dan tunjuk ajar kepada penduduk Muar tentang penjagaan dan pemeliharaan bandar Muar. Antaranya ialah dengan pergi ke kawasan penduduk yang ramai dan padat untuk menyedarkan mereka tentang penjagaan bandar Muar.

(e) *Masalah Kebersihan*

Kebersihan adalah aspek paling penting untuk sesebuah bandar. Hal ini kerana kebanyakan bandar-bandar yang pesat akan dilihat buruk jika kebersihan tidak dapat dikawal dengan baik. Antara masalah yang sering terjadi di bandar Muar adalah lambakan warga asing yang menyebabkan kekotoran di bandar Muar. Hal ini kerana mentaliti mereka yang menganggap mereka masih di negara mereka akan menyusahkan pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan tugas mereka. Mereka sering membuang sampah merata-rata dan meminum arak. Botol-botol arak dibuang merata-rata menyebabkan Kawasan sekitar bandar Muar menjadi kotor.

4.5 Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan Ketua Jabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap, Majlis Perbandaran Muar, antara cadangan penambahbaikan yang diberi ialah dengan memberi lebih banyak berita dan informasi kepada penduduk Muar tentang kesedaran untuk menjaga kebersihan. Hal ini kerana penduduk Muar merupakan sebuah elemen yang penting untuk memajukan dan menjaga persekitaran bandar Muar. Beliau juga mencadangkan agar terdapat sebuah unit khas Majlis Perbandaran Muar

untuk melaksanakan tugas-tugas penting untuk mengeratkan hubungan antara penduduk dan pihak Majlis Perbandaran Muar. Berdasarkan Pembantu Tadbir Jabatan Penilaian Harta & Pengurusan Harta (Ketua Unit Persiapan), antara cadangan penambahbaikan ialah dengan mencantikkan dan mengubahsuai kawasan padang Stadium Muar dan memperbesarkan jalan bandar Muar. Hal ini kerana stadium yang kecil tidak mampu lagi menampung jumlah kapasiti untuk penduduk Muar. Jalan bandar Muar yang sempit menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk pada waktu petang.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, inisiatif dan cabaran Majlis Perbandaran Muar menjadikan Bandar Maharani Bandar Diraja sebagai bandar bersih amat penting untuk mengkaji sejauh mana kekuatan dan kelemahan kempen ini. Kajian ini juga amat penting untuk membantu pihak-pihak berkepentingan untuk mengkaji dengan lebih lanjut tentang bandar Muar sebagai contoh bandar bersih yang telah diiktiraf sebagai Anugerah Bandar Pelancongan Bersih ASEAN.

Penghargaan

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan sokongan yang diberikan.

Rujukan

- Thomas R. Detwyler, Melvin G. Marcus, Sulong Muhammad (1985). Pembandaran & Persekutaran, Geografi Fizikal Bandar, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka (DBP).
- Mohd Muhiden Abd Rahman (1997). "Jurnal Usuluddin". Universiti Malaya.
- Portal Rasmi Majlis Perbandaran Muar, 2016. Hak Cipta Terpelihara © 2016 Majlis Perbandaran Muar. <https://www.mpmuar.gov.my/>
- Nursyazwani Saiful Sham. Februari 2, 2018. Diiktiraf bandar terbersih peringkat ASEAN: "Amalan itu dah jadi budaya orang Muar", Astro Awani.
- Badrul Kamal Zakaria. Februari 4, 2018. Muar diiktiraf bandar bersih ASEAN. Berita Harian Online.
- SWM Environment Sdn Bhd, February 18. Jom KITARecycle bersama warga Muar.
- SWM Muar, 2017. Aduan pembuangan sampah secara haram. SWM Environment Sdn Bhd
- Aliff Fikri Aziz. 22 Jun 2019. Penduduk Muar bimbang ratusan monyet selongkar sampah. Berita Projek MM.
- Kirk and Miller (1986). "Kebolehpercayaan Dan Kesahan Dalam Penyelidikan Kualitatif".
- Lexy J. (2007). "Metodologi Penelitian Kualitatif", Penerbit PT Remaja Rosdakarya Offset, Bandung.
- Chua, Y. (2006). "Research Method", (Malaysia : McGraw-Hill Companies).
- Denzin. (2001). "Interpretive Interactionism".
- PlanMalaysia@Johor, (2020). "Rancangan Tempatan Daerah Muar". <https://jpbd.johor.gov.my/index.php/perkhidmatan/galeri-aktiviti-jabatan-2/338-programpublisitimuar2030>
- Portal Rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. (2018)."Asean Clean Tourist City Awards" <http://www.motac.gov.my/en/programme/standards/asean-tourism-awards/list/aseanclean-touristiccity>
- Booking.com. (2020).<https://www.booking.com/articles/lima-bandar-paling-bersih-seantero-dunia.ms.html>
- Majlis Perbandaran Muar , (2021) https://www.mpmuar.gov.my/sites/default/files/final_buku_pelan_strategik_muar_20212021_semakan_keempat_dan_terakhir_25.6.2021.pdf